



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (a) - GAJI HARI**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI**

**PEGAWAI PERHUTANAN (B.2 EB.3)**

**JABATAN PERHUTANAN**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 11 OKTOBER 2023**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 25 OKTOBER 2023**

**BILANGAN IKLAN: 2023/OCT/01**

**PERATURAN 7 (a) - GAJI HARI**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PERHUTANAN  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Environmental Studies / Environmental Science / Biological Sciences / Forestry Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**UNIT PERUBAHAN IKLIM**

1. Menyediakan perancangan bagi mengadakan projek-projek yang dapat meningkatkan sumbangan kepada kutipan hasil kerajaan seperti perdagangan karbon (*carbon trading*);
2. Menyediakan projek-projek berkaitan dengan perdagangan karbon (*carbon trading*);
3. Menyelaras kerja-kerja bersama *Brunei Climate Change Secretariat (BCCS)* bagi Strategi 2 (*Forest Cover*), Strategi 6 (*Carbon Pricing*), Strategi 8 (*Climate Resilience and Adaptation*), Strategi 9 (*Carbon Inventory*), dan Protokol Hijau;
4. Menyediakan laporan bagi *ASEAN Working Group on Forest and Climate Change (AWGFCC)*; dan
5. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.



## **SEKSYEN SILVIKULTUR**

1. Menggunakan kaedah *remote sensing* dan *Geographical Information System (GIS)* untuk kerja-kerja penganalisaan, penilaian, pemantauan dan pemetaan sumber hutan Negara;
2. Memastikan Jabatan mempunyai data sumber hutan yang terkini;
3. Melaksanakan tugas-tugas pemetaan yang diperlukan oleh Jabatan dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan;
4. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau perlaksanaan projek-projek yang berkaitan dengan projek rawatan silvikultur;
5. Menyediakan permohonan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), Tahunan dan Khas, jika perlu;
6. Memantau perlaksanaan dan perbelanjaan peruntukan; dan
7. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan daripada Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.